

11/03/2001

Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi

Razali Yahya

SEBAIK saja Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah membuka mulut dan akan meminta badan induk bola sepak kebangsaan itu mengenakan penggantungan seumur hidup terhadap pemain yang terjebak dengan masalah disiplin, maka cadangan itu sekali gus terus menjadi polemik berpanjangan di kalangan sebahagian besar pemerhati sukan tanah air. Perdebatan mengenainya tidak terhenti setakat itu sahaja, malah turut diperkatakan di peringkat akar umbi di seluruh tanah air terutama dalam sembang-sembang di warong kopi.

Ini adalah gambaran betapa prihatinnya rakyat Malaysia terhadap perkembangan sukan tanah air terutama bola sepak yang sememangnya menjadi sukan nombor wahid di seantero dunia. Reaksinya memang pelbagai. Ada yang setuju dan ada yang membantahnya. Bagaimanapun, tidak kurang pula ada yang masih terpinga-pinga kerana kurang jelas dengan perkembangan mutakhir berhubung dengan isu bola sepak kebangsaan. Apapun, perdebatan sesama sendiri ini membuktikan bahawa rakyat negara ini masih menaruh minat terhadap perkembangan bola sepak kebangsaan sekalipun kita memang mengetahui sukan itu kini dilanda kemerosotan yang cukup memilukan kita semua rakyat Malaysia.

Justeru itu, bagi memulihkan kembali kegemilangan sukan bola sepak tanah air, pelbagai usaha terus dilakukan oleh pihak yang berkaitan khususnya FAM. Namun sehingga kini dan setelah kita memasuki tahun kedua alaf baru, pasukan negara masih terus bertatih mencari rentak yang semakin sumbang dan sampai bila "pencarian" itu akan berakhir, masih terus menjadi teka-teki atau tanda tanya yang sukar dijawab oleh FAM. Kita memang akui FAM boleh berbangga sebagai sebuah persatuan "elit" jika dibandingkan dengan persatuan sukan kebangsaan yang lain, namun kebanggaan itu langsung tidak seiring dengan pencapaian pasukan bola sepak kebangsaan yang sehingga hari ini umpama "hidup segan mati tidak mahu".

Di mana silapnya...? Satu perkara yang amat kita kesalkan, disebabkan tergolong sebagai sebuah pasukan "elit", maka secara tidak langsung pegawai-pegawai FAM ada yang berasa mereka pun golongan elit dan tidak boleh ditegur langsung. Kalau ada kritikan terhadap FAM, maka pegawai-pegawai berkenaan akan cepat melenting tidak keruan seolah-olah mereka lebih bijak tetapi sebenarnya tidak bijaksana. Daripada pemerhatian dan tinjauan yang dibuat, sebilangan pegawai yang ada lebih kepada "tukang karut" dan "kaki sibuk" dan bukannya dapat bertindak menyuntik idea-idea bernas yang dapat menjana ke arah kemajuan dan kebangkitan bola sepak kebangsaan.

Kalaulah pegawai sudah jadi macam "tukang karut" dan "kaki sibuk", macam manalah mutu bola sepak negara mahu maju. Sebab itulah, kalau hendak dikatakan bola sepak negara sudah beberapa tahun memasuki era profesional, ramai yang akan ketawa terbahak-bahak. Ini kerana sebilangan pegawai baik dalam badan induk mahupun di peringkat negeri, mereka sebenarnya kurang arif erti bola sepak profesional yang sebenar. Kalau mereka benar-benar menghayati erti bola sepak profesional, kita percaya kemerosotan pasukan kebangsaan dapat dikembalikan atau sekurang-kurangnya disegani negara-negara rantau sebelah sini.

Lebih memilukan, siapa pemain tempatan yang dilahirkan oleh FAM yang boleh diletakkan sebagai "bintang". Pemain bertaraf "bintang" yang kita maksudkan ialah apabila disebut namanya, semua pemain lawan akan berasa "gerun" dan hormat. Kita ambil contoh pemain-pemain bertaraf bintang

sekitar tahun 1970-an dan 80-an seperti Allahyarham Mokhtar Dahari, Ghani Minhat, Soh Chin Aun, Syed Ahmad dan lain-lain. Untuk era sekarang, siapa pemain dalam pasukan kebangsaan yang ada sekarang boleh kita letakkan sebaris dengan pemain-pemain legenda tadi. Cukup malang...

Bukan setakat itu sahaja, mahu tidak mahu kita perlu menerima hakikat bahawa perkembangan bola sepak di peringkat negeri juga tidak membantu ke arah melahirkan pemain yang boleh mengharumkan nama negara. Ini kerana ada sebilangan pegawai persatuan negeri bertindak seperti "lebih sudu daripada kuah". Perbalahan berpanjangan pegawai-pegawai di peringkat negeri dibiarkan berlarutan dan sehingga sekarang tidak dapat diselesaikan. Ini kerana tidak ada seorang pun daripada kalangan pegawai tertinggi FAM mahu "menawarkan diri" untuk bertindak sebagai "orang tengah" bagi menamatkan krisis yang sebenarnya akan merugikan arena bola sepak negara secara keseluruhan.

Alasan popular pegawai-pegawai FAM yang dikatakan bijak itu ialah "kita tidak boleh mencampuri urusan persatuan negeri". Kalau FAM sendiri sebagai badan induk tidak boleh bertindak menjadi "orang tengah" bagi menghentikan perbalahan yang timbul di peringkat negeri, maka bertambah malanglah nasib yang akan melanda sukan bola sepak negara. Kita ambil contoh dalam pentadbiran Malaysia. Kalau Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa beliau tidak boleh campur urusan pentadbiran di peringkat negeri yang diketahuinya sedang bergolak. Maka sudah barang tentu keadaan akan menjadi lebih haru-biru dan lambat laun akan memberi tamparan kepada pentadbiran di peringkat pusat. Ini lebih kurang sama dengan FAM. Sebagai badan induk kebangsaan, FAM harus ada wawasan dan ketegasan. Matlamat kita ialah mahu mengembalikan maruah bola sepak yang makin tercalar. Sebarang pertikaian di peringkat negeri wajar dipantau dan diselesaikan secara muafakat. Ini kerana muafakat membawa berkat supaya ianya tidak menjejaskan hasrat dan harapan ke arah memartabatkan semula bola sepak negara agar terus disegani akan datang.

Perlu diingat, persatuan negeri adalah penyumbang terbesar ke arah melahirkan pemain berwibawa untuk dimajukan ke peringkat kebangsaan. Kalau persatuan negeri dimonopoli oleh orang yang tidak mahir dalam dunia bola sepak, maka jangan harap bola sepak di bawahnya akan maju sebagaimana yang diharapkan. Ini dijelaskan dalam Surah Lukman ayat enam bermaksud: "Apabila sesuatu urusan itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancurannya". Natijah daripada surah al-Quran ini menjelaskan betapa pentingnya sesuatu urusan itu dipegang oleh mereka yang benar-benar ahli. Jika tidak, sudah tentulah musnah jadinya. Selagi FAM tidak berusaha untuk memantau urusan di peringkat negeri dan dibiarkan atau diterajui oleh mereka yang bukan ahli, selagi itulah perkembangan bola sepak Malaysia akan terus suram untuk sekian lama.

Terbaharu, isu penggantungan seumur hidup terhadap pemain kebangsaan yang melanggar disiplin akan menjadi agenda yang mahu dicadangkan oleh Tengku Abdullah kepada FAM sedikit hari lagi. Bagi beliau, cadangan itu bukan gurauan untuk menakut-nakutkan pemain tetapi berpendapat tindakan tegas perlu dibuat oleh FAM terutama dalam soal-soal yang membabitkan disiplin. Bagaimanapun, apakah penggantungan seumur hidup yang diilhamkan Tengku Abdullah itu sebagai langkah terbaik buat menerbitkan kesedaran dalam diri pemain? Ianya mungkin betul atau mungkin tidak. Ini kerana tiada sebarang jaminan bahawa hukuman itu akan dilaksanakan secara adil dan saksama terhadap semua pemain kerana faktor simpati dan belas ihsan boleh mempengaruhi dalam perkara ini. Lebih daripada itu, hasrat menggantung pemain seumur hidup dalam bola sepak, mungkin terbit kerana perasaan geram dan marah yang menguasai diri selepas insiden membabitkan tiga pemain - Azmin Azram Aziz, Kamarulzaman Hassan dan Khalid Jamrus - digugurkan daripada skuad kebangsaan selepas mengaku mengunjungi disko

Hard Rock Cafe hingga awal pagi pada 17 Februari lalu.

Bagi kita, tiada kompromi dalam soal pelanggaran disiplin pemain. Bagi tiga pemain tadi, mereka sudah berani melanggar peraturan dan mengunjungi disko hingga awal pagi. Ini dilakukan ketika masih berada di dalam negeri sendiri. Apa kata kalau sudah berada di luar negeri? Mungkin langkah mereka lebih panjang. Lebih teruk lagi, kalau pegawai pasukan pun ikut sama. Ini bukan omong kosong. Kita cakap yang betul berdasarkan peristiwa atau kisah yang memang pernah berlaku dalam kontinjen negara yang lepas-lepas. Tidak usahalah kita menyebut pegawai yang terbabit, cuma kita sekadar mahu mengimbau kembali sebagai teladan. Bayangkanlah kalau pegawai sendiri sudah buat kerja tidak senonoh, macam manalah pemain di bawah kendaliannya tidak ikut sama. Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Pegawai sepatutnya menjadi contoh yang baik. Barulah anak-anak buahnya ada rasa hormat dan sekali gus disiplin terpelihara.

Kerap berlaku, ada sebilangan besar pegawai sukan kebangsaan termasuk sukan yang lain, bila berada di luar negeri, perangai mereka masyaallah. Mereka lupa segala-galanya. Lupa tanggungjawab kepada negara. Kita pernah memerangkap seorang pegawai tertinggi sukan negara dan seorang pegawai kanan Kementerian Luar ketika membuat liputan di luar negeri. Sedang kami kerabat wartawan bersembang di lobi hotel kira-kira jam 2 pagi, kami terserempak dengan pegawai terbabit yang sedang memeluk dua wanita untuk dibawa ke bilik. Mungkin sangkaan pegawai tadi, kami semua sudah tidur kerana kepenatan membuat liputan. Nasib baik kami yang jumpa. Bayangkanlah kalau pemain atau atlit sendiri yang terserempak dengan perlakuan pegawai terbabit. Sudah tentulah rasa hormat dan kepercayaan mereka terhadap pegawai berkenaan pasti hilang. Jadi, apabila pemain buat perkara yang sama, maka sudah tentulah pegawai berkenaan terpaksa tutup mulut. Bagi pegawai dan pemain tadi, mereka mengamal konsep "pandai buat pandai simpan".

Sebab itulah, dalam mempersoalkan disiplin, FAM tidak harus bertumpu kepada pemain yang jelas menjadi mangsa, manakala pegawai terlepas begitu sahaja. Dalam insiden tiga pemain - Azmin, Kamarulzaman dan Khalid - bagaimana mereka begitu mudah menyusup ke disko dan pulang lewat? Soalnya siapa pegawai yang dipertanggungjawab memantau mereka. Menyalahkan seratus peratus kepada pemain bukan langkah bijak. Kalau pegawai yang dipertanggungjawab benar-benar prihatin terhadap segala pergerakan pemain, kita percaya tiga pemain tadi tidak mungkin pergi ke disko hingga awal pagi. Kalau FAM membuat kawalan ketat, tidak mungkin "tiga budak disko" boleh sewenang-wenang berbuat demikian. Janganlah kerana "marahkan nyamuk, kelambu dibakar". Dalam hal ini, kesalahan pemain didedahkan, manakala kelemahan pegawai cuba ditutup. Di mana keadilan yang dilaung-laungkan?

Perkara pokok di sini ialah pendidikan. Kita kerap didedahkan betapa pemain kita berstatus profesional hanya menerusi bayaran gaji manakala perlakuan langsung tidak mencerminkan ciri-ciri sebegitu. Bukan juga rahsia betapa ada jurulatih negeri menyumbang kepada masalah ini. Kita juga tahu ada jurulatih sama-sama keluar malam ke disko bersama pemain kerana mereka mahu jadi jurulatih popular yang disukai pemain. Mereka akan berusaha menutup sebelah mata kerana pemain yang melakukan kesalahan itu adalah bintang utama pasukan. Semuanya menuntut soalan apakah wajar cadangan menggantung seumur hidup dilaksanakan sebagaimana dicadangkan oleh Tengku Abdullah?

Kita berpendapat cadangan itu bukan sebagai bijaksana. Menghukum seumur hidup terhadap pelanggaran disiplin bukan jalan terbaik dalam menyelesaikan masalah berbangkit. Kalau mengenai tiga pemain tadi, cukuplah sekadar menghukum mereka dengan penggantungan beberapa tahun sahaja dan bukannya menggantungnya seumur hidup. Cadangan Tengku Abdullah itu boleh dilaksanakan jika pemain melakukan kesalahan besar kerana

terbabit dengan penggunaan bahan terlarang seperti dadah, ganja dan sebagainya. Kalau kesalahan ini, kita memang sokong seratus peratus agar pemain berkenaan digantung seumur hidup. Jika kesalahan sekadar melanggar disiplin, cadangan timbalan presiden FAM itu tidak relevan sama sekali. Dalam soal ini, kita jangan sampai hilang pertimbangan dengan mengambil tindakan mengikut rasa marah dan geram. Apabila emosi sudah menguasai perasaan, kelak FAM yang akan menanggung kerugian dalam usaha kita yang masih terkial-kial membentuk pasukan mantap. Bertindaklah secara bijaksana dan jangan sampai tindakan yang dibuat boleh menutup periuk nasi pemain tetapi keputusan yang dibuat benar-benar memberi pengajaran dan kesedaran supaya tidak berulang lagi.

(END)